

saluran sedia ada melalui Whatsapp, SMS, emel, telefon atau hadir sendiri ke pejabat SKMM.

**SOALAN ( 524 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** YB. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASEK GELUGOR]

**SOALAN :-**

**YB. Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan menerusi skim Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M), berapakah jumlah projek yang dirangka untuk dibangunkan mengikut negeri dalam tempoh tiga tahun akan datang dan apakah prosedur operasi standard (SOP) Kementerian dalam memperkenalkan skim sewa sambil menabung kepada pemohon RT1M.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan program Rumah Transit 1Malaysia (RT1M) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur melibatkan sebanyak 632 unit.

Lanjutan daripada sambutan menggalakkan yang diterima, KP KT telah mengambil inisiatif untuk meluaskan pelaksanaan program tersebut untuk tahun 2018 di PPR Seri Aman, Jinjang, Kuala Lumpur (410 unit) dan PPR Sg Melana, Johor Bahru, Johor (390 unit).

Bagi konsep Sewa Sambil Menabung, Kementerian sedang mengkaji kaedah pelaksanaan terbaik dan sesuai untuk dilaksanakan. Cadangan awal adalah dengan mengenakan kadar sewa bulanan sebanyak RM500.00 di mana sebanyak RM250.00 daripada bayaran tersebut akan disimpan untuk tempoh maksimum 5 tahun dan akan dikembalikan semula kepada pembeli setelah keluar daripada program tersebut tertakluk kepada terma dan syarat

yang ditetapkan. Konsep Sewa Sambil Menabung ini adalah bagi membantu penyewa membuat simpanan bulanan untuk tujuan pembelian rumah di masa akan datang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017